Perhimpunan Agung UMNO bahas tiga usul

UM 1 11 JUN 2003

KUALA LUMPUR 10 Jun — Perhimpunan Agung UMNO ke-57 minggu depan akan membahaskan tiga usul merangkumi ucapan dasar presiden, pendidikan dan agama, dan ekonomi.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, usul ucapan presiden akan menyentuh penghargaan anggota parti terhadap peranan presiden yang telah berjaya menangani pelbagai cabaran politik dan ekonomi.

Beliau berkata, usul pendidikan pula dijangka memberi penekanan terhadap dasar-dasar kerajaan berhubung isu pendidikan terutama perubahan yang akan diperkenalkan dalam pendidikan Islam.

"Usul ini untuk menentukan pendidikan Islam dibawa dalam arus perdana pendidikan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyertai Forum Kepimpinan Asia Tenggara bertajuk Asia Tenggara 2003: Bagaimana Kita Melihat Dunia dan Bagaimana Dunia Melihat Kita anjuran Asia Inc Forum di sini, hari ini.

Perhimpunan Agung Tahunan UMNO yang ke-57 akan diadakan pada 17 Jun hingga 21 Jun ini.

Ia bakal menjadi Perhimpunan Agung UMNO terakhir dihadiri oleh Dr. Mahathir selaku Presiden berikutan pengumuman persaraan beliau pada Oktober ini.

Mengenai usul ekonomi, Najib berkata, ia akan menyentuh pakej ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini dan kesannya kepada ekonomi negara serta rakyat.